

Headline	Fokus kepada sumber semula jadi		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	107,609
Page No	22,23	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	292 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,771
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,314



Fokus kepada sumber semula jadi

AHLI-ahli MNS Selangor ialah yang paling ramai dan aktif berbanding cawangan lain di negara ini. Mereka sangat memberi perhatian kepada hutan simpan dan lain-lain yang menjadi warisan negara.

Antaranya ialah kawasan batu kapur dari Batu Cave hingga ke Templer Park, hutan-hutan sekitar Lembah Kelang seperti Bukit Gasing, Bukit Lagong, Hutan FRIM, Kota Damansara, Bukit Kiara dan Bukit Persekutuan.

Kawasan ini sangat penting untuk masa hadapan negara maju yang memerlukan

keseimbangan pembangunan dan kawasan hijau. Bagi kawasan Lembah Klang terutama hutan sedia ada, ia mesti dikekalkan dan diuruskan dengan baik demi kesihatan dan kesejahteraan masyarakat masa hadapan.

Begitu juga dengan cawangan MNS lain seperti Pulau Pinang yang melihat kepada Taman Negara dan kawasan bakau Teluk Air Tawar, Johor dengan Hutan Simpan Panti, Endau-Rompin, tapak-tapak Ramsar dan kepulauan di pantai timur Johor. Bagi Kelantan, Terengganu dan Pahang, Taman

Negara adalah ikon penting negara yang perlu dilindungi.

Semua cawangan MNS juga melihat kepentingan CFS (*Central Forest Spines*) dalam pemuliharaan hidupan liar dan sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) yang sepatutnya mengetuai pembentukan CFS.

Taman Negeri Setiu Wetlands juga menjadi perhatian khas MNS kerana keunikannya mempunyai spesies reptilia terancam seperti buaya julung-julung dan tuntung.

MNS yang sudah terkenal dengan aktiviti menanam pokok dan memerhati burung banyak menyumbang dalam pendidikan dan pemuliharaan habitat untuk hidupan liar.

Kawasan Biodiversiti Penting (IBA) adalah antara pencapaian MNS. Tradisi berpuluh tahun ini menjadi ikutan rakyat Malaysia daripada pelbagai lapisan masyarakat negara.

GERAKAN kesedaran alam sekitar dan program pemuliharaan perlu bermula dari peringkat akar umbi.



Headline	Fokus kepada sumber semula jadi		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	107,609
Page No	22,23	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	292 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,771
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,314

